

Proses penghantaran balik 3,370 pelajar IPTA Labuan berakhir 19 Mei

Oleh Henry Bating

LABUAN: Penghantaran balik pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari Labuan yang diselaras pelbagai agensi di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 WP Labuan berakhir dengan lancar 19 Mei.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman yang memengerusikan jawatankuasa berkenaan memberitahu penghantaran itu melibatkan 3,370 pelajar dari tiga IPTA di sini.

“Kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia di atas kerjasama ketika proses penghantaran balik secara berperingkat dijalankan,” katanya.

Dr Fary memperincikan dari jumlah itu, 1,098 merupakan pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UM-

SKAL), 2,233 pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML) dan 39 pelajar Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan.

Menurut Fary penghantaran kalangan pelajar berkenaan ialah melalui penerbangan Labuan – Kuala Lumpur, menggunakan bas ke pelbagai daerah di Sabah dan melalui pelayaran ke Sarawak.

“Pada 18 Mei, 210 pelajar menaiki 11 bas ke seluruh Sabah manakala kumpulan terakhir 48 pelajar UMSKAL dihantar balik pada 19 Mei ke Sarawak,” katanya menambah 88 pelajar UMSKAL lagi memilih untuk tetap tinggal di kampus berkenaan.

Fary berkata 154 pelajar KML dihantar menaiki lapan bas ke seluruh Sabah pada 18 Mei dan sebelumnya 39 pelajar ILP telah dihantar balik.

Fary mengingatkan semua pihak agar terus mematuhi segala peraturan Perintah Kawalan Pergerakan Ber-



BELAYAR: Dr Fary (tengah) selepas mengucapkan selamat jalan kepada pelajar di dermaga Labuan.

syarat (PKPB) yang antara lain perlu mendapatkan surat kebenaran polis untuk perjalanan merentas negeri.

Beliau juga meminta semua premis perniagaan yang telah memulakan operasi

agar mematuhi segala Prosedur Operasional Standard (SOP) untuk menjaga risiko penularan dalam kalangan pengunjung.

Kalangan keluarga juga diingatkan agar tidak mem-

bawa golongan berisiko ke tempat tumpuan ramai seperti kanak-kanak berumur bawah 12 tahun dan warga emas bagi mengekalkan Labuan dalam zon hijau COVID-19.